



KENYATAAN MEDIA

Bengkel *MyClimate Action*

29 November 2022 (Selasa)

Dewan Baiduri, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

1. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia merupakan penganjur bersama bagi bengkel *MyClimate Action* yang telah diadakan pada 29 November 2022 (Selasa) bertempat di Dewan Baiduri, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Bengkel ini juga merupakan anjuran dengan Kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).
2. Bengkel yang dilaksanakan ini merupakan satu kerjasama yang mantap dalam menjalinkan ikatan yang kukuh antara badan kerajaan dengan agensi antarabangsa serta menjadikan program yang dilaksanakan dapat memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat khususnya golongan belia di peringkat nasional dan antarabangsa. Objektif utama pelaksanaan bengkel ini adalah untuk **mengupas** isu iklim dan alam sekitar serta kebimbangan yang dihadapi oleh golongan muda di Malaysia. Seterusnya, untuk **memahami tindakan sedia ada** oleh golongan muda dalam menangani isu tersebut. Selain itu, antara objektif lainnya adalah bagi **mengenal pasti jurang dan cabaran** yang dihadapi oleh golongan muda dalam memberi maklumbalas dan mengambil tindakan terhadap perubahan iklim dan alam sekitar. Seterusnya, untuk **mengenal pasti penyelesaian** serta **bidang sokongan** daripada belia dan pemegang taruh lain yang berkepentingan. Terakhir untuk **merumuskan input** daripada pandangan

dan perbincangan peserta yang selanjutnya dijadikan sebagai satu **resolusi** untuk diangkat ke peringkat pembuat dasar dan polisi berkaitan dengan isu ini.

3. Bengkel ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan. Manakala, pembentangan resolusi dan majlis penutupan "MyClimate Action Workshop" disempurnakan oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif, IYRES.
4. "Isu perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar merupakan isu hak kanak-kanak dan golongan belia, dan kanak-kanak serta golongan belia berhak untuk membesar dalam persekitaran yang selamat, sihat, bersih, dan mampan untuk menjamin masa hadapan yang lestari untuk generasi akan datang," ujar Christopher Davids, Timbalan Wakil a.i., UNICEF Malaysia.
5. "Suara golongan belia haruslah diketengahkan dalam membincangkan isu-isu berkenaan perubahan iklim dan alam sekitar, dan perwakilan anak muda perlu dititikberatkan dalam proses pembentukan polisi," kata Mogesh Sababathy, Pengasas Bersama, Project Ocean Hope.
6. Bengkel *MyClimate Action* anjuran IYRES, KBS dan UNICEF Malaysia serta rakan kerjasama KASA dan KeTSA bertindak sebagai mekanisme perantara di antara golongan belia dengan pihak kerajaan untuk menyelami tentang isu dan kebimbangan berkaitan iklim dan alam sekitar di Malaysia, serta menyediakan ruang dan perbincangan bagi mendapatkan input yang tepat bagi menyokong tindakan yang diterajui oleh belia dan melindungi hak golongan muda terhadap persekitaran yang bersih, selamat dan mampan.
7. Tambahan lagi, Bengkel *MyClimate Action* ini menyediakan platform kepada golongan belia untuk membentangi serta meluahkan idea berkaitan iklim dan alam sekitar di Malaysia supaya dapat diketengahkan kepada pihak yang berautoriti. Sesi perkongsian ilmu ini mengangkat IYRES dan KBS sebagai pusat rujukan ilmu melalui gandingan kepakaran dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pengetahuan serta pandangan berkenaan senario iklim dan alam sekitar.

8. Kesan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar memberi implikasi yang berbeza terhadap golongan muda terutamanya mereka yang datang daripada komuniti terpinggir. Menurut laporan Indeks Belia Malaysia 2021 (IBM'21), di bawah indikator sensitiviti/ keprihatinan menunjukkan perhatian terhadap Alam Sekitar dan Kesukarelawanan adalah pada tahap sederhana dengan nilai skor 68.50.
9. Lantaran itu, berdasarkan Indeks Risiko Perubahan Iklim Kanak-Kanak UNICEF (2021), Malaysia menduduki tempat ke-61 dalam kalangan negara-negara paling kurang peka terhadap risiko kanak-kanak terdedah kepada kesan peningkatan perubahan iklim. Berdasarkan dapatan daripada Kajian Perubahan Iklim Belia Kebangsaan Malaysia yang dilaksanakan oleh UNICEF dan United Nations Development Programme (UNDP) telah merekodkan 9/10 belia di Malaysia juga pernah mengalami kesan perubahan iklim dan alam sekitar.

- TAMAT -

UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN BENGKEL *MYCLIMATE ACTION* BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT SEPERTI DI BAWAH:

Unit Komunikasi Korporat, IYRES

Tel: 03 - 8871 3590 / 018 – 6696507

Email: info@iyres.gov.my

Rachel Choong, UNICEF Malaysia

+6012 2932690

Email: rchoong@unicef.org

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Mengenai United Nations Children's Fund (UNICEF)

UNICEF bergiat di antara tempat-tempat yang paling susah di dunia, untuk membantu kanak-kanak yang paling tidak beruntung di dunia. Kami bekerja untuk setiap kanak-kanak di setiap tempat di 190 buah negara dan wilayah untuk mewujudkan dunia yang lebih baik untuk setiap orang.

Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang UNICEF dan usahanya bagi kanak-kanak, sila layari www.unicef.org dan ikuti UNICEF di [Twitter](#), [Instagram](#) dan [Facebook](#).